



#### NC DIANUGERAHKAN ASIA'S BEST B-SCHOOL AWARD

**SINGAPURA** - Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi telah dianugerahkan sebagai pemenang Asia's Best B-School Awards kerana jasanya sebagai individu yang komited mempamerkan prestasi cemerlang dalam bidang pengajian perniagaan.

Beliau menerima anugerah dalam kategori Outstanding Contribution To Education dalam anugerah kali kedua itu yang berlangsung pada 22 Julai lalu di Suntec, Singapura dan dianjurkan oleh CMO Asia Advisory Board dengan kerjasama Advisory Council of World Brand Congress.

Terdapat 42 kategori anugerah merangkumi 12 bidang utama dalam pengajian perniagaan telah ditawarkan kali ini. Selain Malaysia, 28 buah negara yang mengambil bahagian ialah Australia, Armenia, Amerika Syarikat, Bangladesh, China, England, France, Hong Kong, India, Indonesia, Israel, Jepun, Kuwait, Mauritius, Nepal, Oman, Pakistan, Filipina, Qatar, Arab-Saudi, Singapura, Afrika Selatan, Korea Selatan, Spain, Sri Lanka, Thailand dan UAE.

Asia's Best B-School Awards merupakan anugerah keempat yang diterima oleh Dato' Ir. Dr. Radin Umar di peringkat antarabangsa selepas Prince Michel Award (UK, 2005), Highly Commendation Road Safety BP Awards (UK, 2002) dan Katahira Young Engineers Awards (Jepun, 2000).

**Berita asal oleh Fahezah Nor Mohamed (BPPNC) dan disunting oleh Pejabat Pemasaran dan Komunikasi (MarComm) 03-8946 8981**